Program pengajian Sains Komputer adalah pendekatan saintifik dan praktikal untuk pengiraan dan aplikasinya. Sains komputer adalah bidang yang bergerak pantas yang menyatukan banyak disiplin, termasuk matematik, pengaturcaraan, kejuruteraan, sains semula jadi dan linguistik. Kami menawarkan program yang fleksibel dengan asas sains komputer yang kuat yang memberikan pelajar kemahiran yang diingini untuk menyelesaikan masalah dan mewujudkan teknologi masa depan sebagai ahli sains komputer. Program ini dibahagikan kepada tiga trek: Teknologi Perisian, Kecerdasan Buatan dan Teknologi Rangkaian; pelajar akan memilih trek pada tahun kedua. Selain Latihan Industri selama 12 minggu pada tahun keempat, program ini turut mendapat manfaat daripada sesi latihan praktikal yang dikendalikan oleh rakan industri kami seperti IBM, CISCO, INFOSys dan Prestariang.

Objektif Pendidikan Program (OPP)

Program ini seharusnya menyediakan graduan yang:

The Programme should prepare graduates who:

1. Memiliki pengetahuan fundamental, prinsip dan kemahiran berkaitan bidang Sains Komputer
Possess fundamental knowledge, principles and skills relating to Computer Science.
2. Mempunyai kemahiran analitikal dan pemikiran kritis dalam menyelesaikan masalah dengan mengaplikasi pengetahuan asas, prinsip dan kemahiran berkaitan bidang Sains Komputer untuk pembelajaran sepanjang hayat
Have strong analytical and critical thinking skills to solve problems by applying knowledge, principles and skills relating to Computer Science for lifelong learning.
3. Memiliki dan berupaya mengaplikasikan matematik asas, saintifik dan teori pengetahuan pengkomputeran dalam menganalisis, pemodelan, mereka bentuk, membangun dan menilai penyelesaian pengkomputeran.

Possess and able to apply fundamental mathematical, scientific and theoretical computing knowledge in analysing, modelling, designing, developing and evaluating computing solutions..

4. Memahami perkaitan antara teori dan praktikal berkaitan bidang Sains Komputer.
Understand the interplay between theory and practice of Computer Science.
5. Mempunyai kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan, antara perorangan dan keusahawan serta peka terhadap tanggungjawab sosial, etika dan perundangan.
Have communication, teamwork, leadership, interpersonal and entrepreneurial skills, and aware of the social, ethical and legal responsibilities.

Hasil Pembelajaran Program (HPP)

Pada akhir program, graduan seharusnya berupaya untuk:

Upon completion of the programme, graduates should be able to:

1. Mempamer pengetahuan berkenaan fakta asas, konsep, prinsip dan teori yang berkaitan bidang Sains Komputer.
Demonstrate knowledge of essential facts, concepts, principles, and theories relating to Computer Science.
2. Mengaplikasi kemahiran komputeran dalam menganalisis, pemodelan, mereka bentuk, membangun, mengaturlcara dan menilai penyelesaian komputeran yang cekap berkaitan bidang Sains Komputer.
Apply computing skills in analyzing, modelling, designing, developing, programming and evaluating efficient computing solutions relating to Computer Science.
3. Menyemai kemahiran dan tanggungjawab sosial dalam membangun produk komputeran berkaitan bidang Sains Komputer.
Inculcate skills and social responsibility in developing computing products relating to Computer Science.
4. Mempamer sikap profesionalisme dan sosial serta pertimbangan etika yang berlandaskan prinsip etika dan perundangan berkaitan bidang Sains Komputer.
Demonstrate professionalism and social and ethical consideration in accordance with ethical and legal principles relating to Computer Science.
5. Mempamer keupayaan memimpin, kemahiran antara perorangan dan bekerja

secara berpasukan.

Demonstrate teamwork, leadership, interpersonal and social skills.

6. Mempamer kemahiran menganalisis dan berfikiran kritis dalam menyelesaikan masalah mengguna teknik berkaitan Sains Komputer.
Utilise relevant techniques and demonstrate analytical and critical thinking skills in problem solving relating to Computer Science.
7. Mempraktik kemahiran pengurusan maklumat dan prinsip pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan akademik dan kerjaya berkaitan Sains Komputer. *Apply skills and principles of lifelong learning in academic and career development relating to Computer Science.*
8. Mempraktik kemahiran mengurus dan keusahawanan dalam perspektif meluas berkaitan bidang Sains Komputer.
Apply broad business and real world perspectives daily and demonstrate entrepreneurial skills relating to Computer Science.

Program Sarjanamuda Teknologi Maklumat

Pengenalan

Teknologi Maklumat (TM) mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan seharian kita. Teknologi Maklumat membolehkan individu dan organisasi untuk mengumpul, menyusun dan menganalisis data dengan pantas dan seterusnya membantu mereka mencapai matlamat. Perubahan teknologi yang pantas memerlukan profesional teknologi maklumat menyesuaikan diri dengan perubahan ini. Justeru, program ini dibuat khusus untuk memenuhi aspek yang penting ini dengan hasrat untuk melengkapkan graduan dengan asas Teknologi Maklumat dan kemahiran praktikal yang kukuh. Selain itu, program ini direka untuk memenuhi keperluan teknologi bagi organisasi melalui pemilihan, penciptaan, aplikasi, integrasi dan pentadbiran teknologi pengkomputeran. Graduan diharapkan dapat menyokong pembangunan penyelesaian Teknologi Maklumat dan perkhidmatan untuk industri. Graduan bagi program ini boleh meneroka pelbagai peluang kerjaya seperti pengurus perkhidmatan teknologi maklumat, juruanalisis sokongan perkhidmatan, pentadbir sistem dan kerjaya lain yang berkaitan dengan teknologi maklumat. Selain daripada latihan industri, graduan program ini juga mendapat manfaat melalui latihan amali yang dikendali oleh rakan industri kami.

Objektif Pendidikan Program (OPP)

Program ini seharusnya menyediakan graduan yang:

The Programme should prepare graduates who:

1. Memiliki pengetahuan fundamental, prinsip dan kemahiran berkaitan bidang Teknologi Maklumat.
Possess fundamental knowledge, principles and skills relating to Information Technology.
2. Mempunyai kemahiran analitikal dan pemikiran kritis dalam menyelesaikan masalah dengan mengaplikasi pengetahuan asas, prinsip dan kemahiran berkaitan bidang Teknologi Maklumat untuk pembelajaran sepanjang hayat.
Have strong analytical and critical thinking skills to solve problems by applying knowledge, principles and skills relating to Information Technology for lifelong learning.
3. Mempunyai keupayaan untuk mereka bentuk, melaksana dan mengurus

penyelesaian dan sumber Teknologi Maklumat, dan mengenal pasti kesan teknologi ke atas individu, organisasi dan masyarakat.

Possess the ability to design, implement and manage Information Technology solutions and resources, and recognise the impact of technology on individuals, organisations and society.

4. Memahami perkaitan antara teori dan praktikal berkaitan Teknologi Maklumat serta hubungkait antara keduanya.

Understand the interplay between theory and practice of Information Technology and the essential links between them.

5. Mempunyai kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan, antara perorangan dan keusahawan serta peka terhadap tanggungjawab sosial, etika dan perundangan.

Have communication, teamwork, leadership, interpersonal and entrepreneurial skills, and aware of the social, ethical and legal responsibilities.

Hasil Pembelajaran Program (HPP)

Pada akhir program, graduan seharusnya berupaya untuk:

Upon completion of the programme, graduates should be able to:

1. Mempamer pengetahuan berkenaan fakta penting, konsep, prinsip dan teori yang berkaitan Teknologi Maklumat.

Demonstrate knowledge of essential facts, concepts, principles, and theories relating to Information Technology.

2. Mereka bentuk, melaksana dan mengurus bagi sumber dan penyelesaian Teknologi Maklumat, dan mengenalpasti kesan teknologi kepada masyarakat, organisasi dan individu.

Design, implement and manage Information Technology solutions and resources, and recognise the impact of technology on individuals, organisation and society.

3. Menyemai kemahiran dan tanggungjawab sosial dalam membangun produk komputeran berkaitan Teknologi Maklumat.

Inculcate skills and social responsibility in developing computing products relating to Information Technology.

4. Mempamer sikap profesionalisme dan sosial serta pertimbangan etika yang berlandaskan prinsip etika dan perundangan berkaitan Teknologi Maklumat.

Demonstrate professionalism and social and ethical consideration in accordance

with ethical and legal principles relating to Information Technology.

5. Mempamer kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan dan antara perorangan.
Demonstrate communication, teamwork, leadership, and interpersonal skills.
6. Mengguna teknik yang relevan dan mempamer kemahiran menganalisis dan berfikiran kritis dalam menyelesaikan masalah berkaitan Teknologi Maklumat
Utilise relevant techniques and demonstrate analytical and critical thinking skills in problem solving relating to Information Technology.
7. Mengaplikasi kemahiran pengurusan maklumat dan prinsip pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan akademik dan kerjaya berkaitan Teknologi Maklumat.
Apply skills and principles of lifelong learning and information management in academic and career development relating to Information Technology.
8. Mengaplikasi kemahiran mengurus dan keusahawanan dalam perspektif meluas berkaitan Teknologi Maklumat.
Apply entrepreneurial and management skills in a broad perspective relating to Information Technology.

Program Sarjanamuda Kejuruteraan Perisian (Pembangunan Sistem Multimedia)

Pengenalan

Kejuruteraan perisian menitikberatkan aspek pembangunan perisian, bermula daripada fasa perancangan sehingga penyelenggaraan dengan pendekatan bersistematik, berdisiplin, boleh diukur dan teratur. Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perisian (Pembangunan Sistem Multimedia) memberi fokus kepada pengeluaran perisian multimedia melalui analisis, reka bentuk, pembangunan dan pelaksanaan sistem berdasarkan prinsip kejuruteraan perisian. Program ini bertujuan untuk melahirkan jurutera perisian atau profesional pengkomputeran yang mahir dalam teori, alatan dan kaedah pembangunan perisian; cekap dalam menguruskan individu dan projek; dan pakar dalam Pembangunan Sistem Multimedia yang dinamik dan berskala besar tanpa had sempadan untuk menjadi kreatif dan inovatif, beretika dan dapat menyesuaikan diri dalam persekitaran kerja. Graduan boleh meneroka pelbagai jenis kerjaya seperti jurutera perisian multimedia, juruanalisis sistem multimedia, pembangun sistem multimedia, pembangun permainan dan penerbit media digital. Graduan yang layak boleh melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian lepasan ijazah yang mana mereka boleh meningkatkan pengetahuan dan kepakaran dalam Sistem Multimedia Termaju.

Objektif Pendidikan Program (OPP)

Program ini seharusnya menyediakan graduan yang:

The Programme should prepare graduates who:

1. Memiliki pengetahuan fundamental, prinsip dan kemahiran berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Multimedia.
Possess fundamental knowledge, principles and skills relating to Multimedia System Development.
2. Mempunyai kemahiran analitikal dan pemikiran kritis dalam menyelesaikan masalah dengan mengaplikasi pengetahuan, prinsip dan kemahiran berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Multimedia untuk pembelajaran sepanjang hayat.
Have strong analytical and critical thinking skills to solve problems by applying knowledge, principles and skills relating to Software Engineering especially in the field of Multimedia System Development for lifelong learning.

3. Berkemahiran dalam mengaplikasi metodologi, model dan teknik bersesuaian yang menjadi asas untuk analisis, reka bentuk, pembangunan, pengujian dan pelaksanaan, penilaian, penyenggaraan dan dokumentasi perisian sistem berskala besar.
Are competent in applying appropriate methodologies, models and techniques that provide a basis for analysis, design, development, testing and implementation, evaluation, maintenance and documentation of a large scale software system.
4. Memahami perkaitan antara teori dan praktis berkaitan Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Multimedia serta hubungkait antara keduanya.
Understand the interplay between theory and practice of Software Engineering especially in the field of Multimedia Systems Development for lifelong learning and the essential links between them.
5. Mempunyai kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan, antara perorangan dan keusahawan serta peka terhadap tanggungjawab sosial, etika dan perundangan.
Have communication, teamwork, leadership, interpersonal and entrepreneurial skills, and aware of the social, ethical and legal responsibilities.

Hasil Pembelajaran Program (HPP)

Pada akhir program, graduan seharusnya berupaya untuk
Upon completion of the programme, graduates should be able to:

1. Mempamer pengetahuan berkenaan fakta penting, konsep, prinsip dan teori yang berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Multimedia.
Demonstrate knowledge of essential facts, concepts, principles, and theories relating to Software Engineering especially in the field of Multimedia Systems Development.
2. Mengaplikasi metodologi, model dan teknik bersesuaian yang menjadi asas untuk analisis, reka bentuk, pembangunan, pengujian dan pelaksanaan, penilaian, penyenggaraan dan dokumentasi perisian sistem berskala besar.
Apply appropriate methodologies, models and techniques that provide a basis for analysis, design, development, test and implementation, evaluation, maintenance and documentation of a large scale software.
3. Menyemai kemahiran dan tanggungjawab sosial dalam membangun produk komputeran berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Multimedia.

Inculcate skills and social responsibility in developing computing products relating to Software Engineering especially in the field of Multimedia Systems Development.

4. Mempamer sikap profesionalisme dan sosial serta pertimbangan etika yang berlandaskan prinsip etika dan perundangan berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Multimedia.
Demonstrate professionalism and social and ethical consideration in accordance with ethical and legal principles relating to Software Engineering especially in the field of Multimedia Systems Development.
5. Mempamer kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan dan antara perorangan.
Demonstrate communication, teamwork, leadership, and interpersonal skills.
6. Menggunakan teknik yang relevan dan mempamer kemahiran menganalisis dan berfikir kritis dalam menyelesaikan masalah berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Multimedia.
Utilise relevant techniques and demonstrate analytical and critical thinking skills in problem solving relating to Software Engineering especially in the field of Multimedia Systems Development.
7. Mengaplikasi kemahiran pengurusan maklumat dan prinsip pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan akademik dan kerjaya berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Multimedia.
Apply skills and principles of lifelong learning in academic and career development relating to Software Engineering especially in the field of Multimedia Systems Development.
8. Mengaplikasi kemahiran mengurus dan keusahawanan dalam perspektif meluas berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Multimedia.
Apply broad business and real world perspectives daily and demonstrate entrepreneurial skills relating to Software Engineering especially in the field of Multimedia Systems Development.

Program Sarjanamuda Kejuruteraan Perisian (Pembangunan Sistem Maklumat)

Pengenalan

Bidang kejuruteraan perisian merupakan satu bidang yang semakin diperlukan dalam semua sektor perniagaan selaras dengan perubahan proses bisnes yang diautomasikan dan perkembangan bidang IT. Kejuruteraan perisian merupakan bidang mereka, melaksanakan dan mengubah perisian dengan mengaplikasikan konsep pembangunan dan amalan dari sains komputer, pengurusan projek dan kejuruteraan supaya ia lebih berkualiti, murah, mudah disenggara dan mudah dibina. Prinsip kejuruteraan perisian melibatkan pendekatan yang sistematik, berdisiplin, mudah diukur dan teratur dalam kitaran pembangunan sesuatu sistem. Oleh itu, program ini direka untuk menyediakan para pelajar mengenai spesifikasi, proses pembangunan, pelaksanaan, pengujian, penyenggaraan dan evolusi sesuatu sistem terutamanya dalam pembangunan sistem maklumat mengikut keperluan organisasi dan perniagaan. Program ini mampu melahirkan jurutera perisian yang kompeten melalui pengetahuan asas yang kukuh dalam proses pembangunan perisian, pengurusan projek dan amalan praktikal melalui pendekatan dan teknologi terkini mengikut keperluan industri. Pelbagai peluang kerjaya yang boleh diceburi oleh graduan daripada program ini seperti jurutera perisian, sistem atau keperluan penganalisis, pereka perisian atau sistem, pengaturcara, penguji perisian dan eksekutif sistem maklumat. Selain itu, graduan juga berpeluang meneroka bidang kejuruteraan perisian dengan lebih mendalam melalui program ijazah lanjutan yang relevan.

Objektif Pendidikan Program (OPP)

Program ini seharusnya menyediakan graduan yang:

The Programme should prepare graduates who:

1. Memiliki pengetahuan fundamental, prinsip dan kemahiran berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Maklumat.
Possess fundamental knowledge, principles and skills relating to Software Engineering especially in the field of Information System Development.
2. Mempunyai kemahiran analitikal dan pemikiran kritis dalam menyelesaikan masalah dengan mengapikasi pengetahuan, prinsip dan kemahiran berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Maklumat untuk

pembelajaran sepanjang hayat.

Have strong analytical and critical thinking skills to solve problems by applying knowledge, principles and skills relating to Software Engineering especially in the field of Information System Development for lifelong learning.

3. Berkemahiran dalam mengaplikasi metodologi, model dan teknik bersesuaian yang menjadi asas untuk analisis, reka bentuk, pembangunan, pengujian dan pelaksanaan, penilaian, penyenggaraan dan dokumentasi perisian sistem berskala besar.

Are competent in applying appropriate methodologies, models and techniques that provide a basis for analysis, design, development, testing and implementation, evaluation, maintenance and documentation of a large scale software system.

4. Memahami perkaitan antara teori dan praktis berkaitan Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Maklumat serta hubungkait antara keduanya.

Understand the interplay between theory and practice of Software Engineering especially in the field of Information System Development for lifelong learning and the essential links between them.

5. Mempunyai kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan, antara perorangan dan keusahawan serta peka terhadap tanggungjawab sosial, etika dan perundangan.

Have communication, teamwork, leadership, interpersonal and entrepreneurial skills, and aware of the social, ethical and legal responsibilities.

Hasil Pembelajaran Program (HPP)

Pada akhir program, graduan seharusnya berupaya untuk

Upon completion of the programme, graduates should be able to:

1. Mempamer pengetahuan berkenaan fakta penting, konsep, prinsip dan teori yang berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Maklumat.

Demonstrate knowledge of essential facts, concepts, principles, and theories relating to Software Engineering especially in the field of Information Systems Development.

2. Mengaplikasi metodologi, model dan teknik bersesuaian yang menjadi asas untuk analisis, reka bentuk, pembangunan, pengujian dan pelaksanaan, penilaian, penyenggaraan dan dokumentasi perisian sistem berskala besar.

Apply appropriate methodologies, models and techniques that provide a basis for

analysis, design, development, test and implementation, evaluation, maintenance and documentation of a large scale software.

3. Menyemai kemahiran dan tanggungjawab sosial dalam membangun produk komputeran berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Maklumat.

Inculcate skills and social responsibility in developing computing products relating to Software Engineering especially in the field of Information Systems Development.

4. Mempamer sikap profesionalisme dan sosial serta pertimbangan etika yang berlandaskan prinsip etika dan perundangan berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Maklumat.

Demonstrate professionalism and social and ethical consideration in accordance with ethical and legal principles relating to Software Engineering especially in the field of Information Systems Development.

5. Mempamer kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan dan antara perorangan.

Demonstrate communication, teamwork, leadership, and interpersonal skills.

Mengguna teknik yang relevan dan mempamer kemahiran menganalisis dan berfikiran kritis dalam menyelesaikan masalah berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Maklumat.

Utilise relevant techniques and demonstrate analytical and critical thinking skills in problem solving relating to Software Engineering especially in the field of Information Systems Development.

6. Mengaplikasi kemahiran pengurusan maklumat dan prinsip pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan akademik dan kerjaya berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Maklumat.

Apply skills and principles of lifelong learning in academic and career development relating to Software Engineering especially in the field of Information Systems Development.

7. Mengaplikasi kemahiran mengurus dan keusahawanan dalam perspektif meluas berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Maklumat.

Apply broad business and real world perspectives daily and demonstrate entrepreneurial skills relating to Software Engineering especially in the field of Information Systems Development.

Sinopsis Kursus dan Rujukan

A. Kursus Wajib Program (Wajib Kepada Semua Program)

TTTS1013 Konsep dan Pemikiran Sistem *System Concept and Thinking*

Pemikiran Sistem merupakan bidang multi disiplin yang merangkumi semua disiplin asas daripada matematik, teknologi, biologi, falsafah dan sains sosial. Pendekatan sistem berbeza daripada pendekatan analitikal tradisional kerana ia menekankan interaksi dan hubungan komponen yang berlainan dalam sebuah sistem. Dimensi Pemikiran Sistem mencakupi pembangunan model dan pembezaan model dan realiti; berfikir dalam gelung maklumbalas dan struktur yang berkaitan; dan mengenalpasti corak dalam sesuatu masa.

Systems Thinking is a multidisciplinary field that encompasses all traditional disciplines, including mathematics, technology, biology, philosophy and social sciences. The systems approach distinguishes itself from the more traditional analytic approach by emphasizing the interactions and connectedness of the different components of a system. Some of the dimensions of Systems Thinking include model building and distinguishing between models and reality; thinking in feedback loops and interrelated structures; and recognizing patterns over time (oscillations, delays).

Hasil Pembelajaran Kursus :

Pada akhir kursus ini, pelajar berupaya untuk:

- Menentukan persempadanan dan persekitaran, pembolehubah, sifat serta artefak utama suatu sistem.
Define boundaries and environment, variables, properties and major artifacts of a system.
- Melakar model kajian kes menggunakan alat dan notasi grafik yang sesuai.
Sketch models and case studies using the appropriate graphic notation.
- Mempamer kemahiran pemikiran sistem
Demonstrate skills systems thinking

Bacaan Asas:

Richmond, B. 2015. An Introduction to Systems Thinking with iThink. Guide Book.

Bacaan Asas:

- Mario, F.T. (2014) Elementary Statistics, 12th Edition, Pearson.
Bluman, A.G. (2014) Elementary Statistics: A Step by Step Approach. McGraw Hill.
Sullivan, M. (2013) Statistics. Informed Decisions Using Data, 4th edition, Pearson.
Mann, P.S. (2012) Introductory Statistics, 8th Edition, John Wiley.
Weiss, N.A. (2012) Elementary Statistics, 8th Edition.

TTTTK1114 Pengaturcaraan Komputer

Computer Programming

Kursus ini adalah pengenalan pertama kepada pengaturcaraan. Kursus ini dilaksanakan dalam persekitaran kuliah dan makmal yang membolehkan pelajar menjadi pengaturcara yang baik. Pelajar yang mengambil kursus ini tidak semestinya mempunyai latar belakang pengaturcaraan komputer, oleh itu pengenalan kepada komputer dan bahasa pengaturcaraan akan diberikan. Sebahagian besar kursus meliputi fitur penting dalam bahagian berstruktur dan berorientasi objek bahasa berkenaan. Tajuk perbincangan meliputi elemen asas pengaturcaraan, input dan output, struktur kawalan, fungsi takrifan pengguna, tatasusunan, rentetan serta pengenalan kepada objek dan kelas. Tambahan daripada itu, teknik bagi menyelesaikan masalah juga dibincangkan.

This course is intended as a first introduction to programming. The course is conducted in such a way that it provides a classroom and laboratory environment that enables students to become proficient computer programmers. Students are not assumed to have a background in computer programming and therefore introductory material on computers, and programming languages are presented. The majority of the course will be covering on the essentials of the structured and object oriented feature of the language. Topics include the basic elements of programming, input and output, control structures, user defined functions, arrays, strings and introduction to objects and classes. In addition, techniques to solve problems will also be discussed.

Hasil Pembelajaran Kursus :

Pada akhir kursus ini, pelajar berupaya untuk:

- Menulis aturcara berdasarkan amalan baik pengaturcaraan.
Code program using best programming practice.
- Menjejak aturcara bagi memahami struktur dan logik aturcara.
Trace program to understand program structure and logic.
- Membina aturcara bagi menyelesaikan masalah tertentu.
Construct program to solve specified problems.

Bacaan Asas:

Tony Gaddis. 2015. Starting Out with Java: From Control Structures through Objects.

6th Edition. Pearson.

Herbert Schild. 2014. Java: A Beginner's Guide. 6th Edition, McGraw Hill.

Y. Daniel Liang. 2014. Introduction to Java Programming. 10th Edition. Prentice Hall. R.

Morelli and R. Walde. 2012. Java, Java, Java: Object-Oriented Problem Solving,

Third Edition. (Open Source Edition)

TK1114 web page. <https://sites.google.com/site/mygreenjava/basic-features-of-java>

TTTR1333 Matematik Diskret

Discrete Mathematics

Kursus ini bertujuan memperkenalkan aspek matematik diskret bagi pelajar teknologi dan sains maklumat. Di antara kandungannya ialah mantik usulan, pengkuantiti dan keabsahan sesuatu pernyataan. Kemudian, tentang teori set, pasangan bertertib, hasil darab cartesian, hubungan kesetaraan, fungsi, set tertib separa dan set tertib penuh akan dibincangkan. Tajuk berikut ialah tentang integer dan penggunaannya. Akhirnya akan diperkenalkan teori graf dan pokok.

The objective of this course is to introduce the aspects of discrete mathematics for information science and technology students. The topics to be studied include propositional logic, quantifiers and the validity of a proposition. In addition there will be notes on set theory followed by ordered pairs, Cartesian multiplication of sets, equivalent relations, functions, partially and totally ordered sets. The next topic to be discussed is about integer and its application. Finally there is an introduction to graph theory and tree.

Hasil Pembelajaran Kursus :

Pada akhir kursus ini, pelajar berupaya untuk:

- Menjelaskan konsep dan teknik yang terdapat dalam struktur diskret. *Explain the concepts and techniques that are available in discrete structures.*
- Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi untuk menyelesaikan pelbagai masalah matematik diskret. *Apply the knowledge and skills acquired to solve various problems of discrete mathematics.*
- Menunjukkan kebolehan untuk menyelesaikan masalah dalam teknologi maklumat menggunakan teknik struktur diskret. *Demonstrate the ability to solve problems in the information technology using discrete structure technique.*

Bacaan Asas:

- Johnsonbaugh, R. 2014. Discrete Mathematics. 7th Edition. Pearson, Edinburgh Gate.
- Rosen, K. 2011. Discrete Mathematics and Its Application. 7th Edition. McGraw Hill.
- Scheinerman, E. 2006. A Discrete Introduction. 2nd Edition. Thompson, Canada.
- Kolman, B., Busby, R.C., Ross, S.C., 2004. Discrete Mathematical Structures. 5th Edition. Pearson Prentice Hall, New Jersey.
- Lipschutz, S. & Lipson, M., 2009. Schaum's Outline of Discrete Mathematics. Revised 3rd Edition (Schaum's Outline Series). McGraw Hill.

TTTK1143 Rekabentuk Aturcara dan Penyelesaian Masalah / *Program Design and Problem Solving*

Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran mereka bentuk aturcara dan menyelesaikan masalah mengguna pendekatan orientasi objek. Pelajar diajar tentang elemen klasik pengaturcaraan dan kaedah mereka bentuk aturcara mengguna pendekatan “berorientasikan objek” yang memberi penekanan terhadap pengabstrakan data dalam pemodelan entiti dunia sebenar. Kursus ini turut membincangkan algoritma klasik isihan dan gelintaran, serta struktur data penting seperti timbunan dan giliran. Pelajar akan belajar untuk mengenalpasti struktur data yang bersesuaian, mereka bentuk algoritma, membangun dan menyahpejijat aturcara dalam menyelesaikan masalah dunia sebenar.

This course aims to equip students with the knowledge and skills of program designing and problem solving using object oriented approach. Students are taught the classic elements of programming and methods of designing programs using an “objects-in-the-middle” approach that emphasizes data abstraction to model real-world entities. The course also discusses classical algorithms for sorting and searching, and fundamental data structures, including stacks and queues. Students will learn to identify suitable data structures, design algorithms as well as develop and debug programs in solving real world problems.

Hasil Pembelajaran Kursus :

Pada akhir kursus ini, pelajar berupaya untuk:

- Menjelaskan konsep berkaitan pengaturcaraan orientasi objek, struktur data penting dan algoritma isihan dan gelintaran.
Explain concepts related to object-oriented programming and fundamental data structures.
- Mempamerkan reka bentuk aturcara berorientasi objek mengguna notasi, struktur data dan algoritma yang sesuai dalam menyelesaikan masalah dunia sebenar.
Design object-oriented programs using appropriate notations, data structures and algorithms in solving real-world problems.

- Membina aturcara berorientasi objek menggunakan API, struktur data dan algoritma yang sesuai dalam menyelesaikan masalah dunia sebenar.
Develop object-oriented programs using appropriate API, data structures and algorithms in solving real-world problems.

Bacaan Asas:

- Sedgewick, R. and Wayne, K. 2017. Introduction to Programming in Java: An Interdisciplinary Approach. 2nd Edition. Addison-Wesley.
<http://introcs.cs.princeton.edu/java/home/>
- Liang, Y. D. 2014. Introduction to Java Programming, Comprehensive Version. 10th Edition. Prentice Hall.
- Sedgewick, R. and Wayne, K. 2011. Algorithms 4th Edition. Addison-Wesley.
- Horstman, C. S. 2013. Java Concepts: Early Objects. 7th Edition. Wiley.
- Gaddis, T. 2012. Starting Out with Java: From Control Structures through Objects. 5th Edition.

TTTR1713 Statistik dan Kebarangkalian *Statistics and Probability*

Kursus ini bertujuan memperkenalkan konsep asas statistik dan kebarangkalian serta penggunaannya dalam penyelesaian masalah. Melalui kursus ini, pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan pemerihalan data menerusi graf dan nilai numerik, taburan kebarangkalian, penganggaran dan pengujian hipotesis. Di samping itu pelajar didedahkan kepada aspek pengiraan statistik dengan menggunakan pakej perisian statistik.

This course introduces the basic concepts of statistics and probability and its application in solving the problem. Through this course, students will be exposed to knowledge through data descriptive graphs and numeric values, probability distributions, estimation and hypothesis testing. In addition, students are exposed to aspects of statistical calculations using statistical software packages.

Hasil Pembelajaran Kursus :

Pada akhir kursus ini, pelajar berupaya untuk:

- Menjelaskan konsep statistik dan kebarangkalian.
Explain the concept of statistics and probability.
- Mengaplikasi pelbagai prosedur dan ujian statistik dengan betul.
Apply various statistical procedures and tests correctly.
- Mentafsir keputusan berdasarkan analisis statistik.
Interpret the results based on statistical analysis.

Bacaan Asas:

Mario, F.T. (2014) Elementary Statistics, 12th Edition, Pearson.

Bluman, A.G. (2014) Elementary Statistics: A Step by Step Approach. McGraw Hill.

Sullivan, M. (2013) Statistics. Informed Decisions Using Data, 4th edition, Pearson.

Mann, P.S. (2012) Introductory Statistics, 8th Edition, John Wiley.

Weiss, N.A. (2012) Elementary Statistics, 8th Edition.

TTTT1964 Pangkalan Data

Database

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep pangkalan data, pemodelan, penormalan dan bahasa pengaturcaraan (Structured Query Language) SQL. Melalui konsep pangkalan data, pelajar akan didedahkan kepada komponen dan bidang tugas yang berkaitan pangkalan data. Pelajar juga akan mempelajari kaedah pemodelan seperti gambarajah hubungan entiti. Konsep penormalan pula akan menghasilkan rekabentuk pangkalan data pada tahap 3NF/BCNF. Akhirnya pelajar akan membina aplikasi pangkalan data dan melaksana penyataan pertanyaan SQL yang berkaitan.

This course introduces students to the concept of database, modelling, normalization and (Structured Query Language) SQL programming language. Through the concept of database, students are exposed to the components and job scope related to database. Students will also learn modelling techniques such as entity relationship diagram. Normalization concept will produce 3NF/BCNF database design. Finally, students will build database application and perform related SQL queries.

Hasil Pembelajaran Kursus :

Pada akhir kursus ini, pelajar berupaya untuk:

- Menerangkan konsep asas pangkalan data
Explain database fundamental concepts
- Menggambarkan keperluan pembangunan pangkalan data
Illustrate database development requirements
- Membangun pangkalan data
Develop database

Bacaan Asas:

Connolly, Thomas M., and Begg, Carolyn E., Database Systems: A Practical Approach To Design, Implementation, and Management, 5th Edition, Addison-Wesley:

Pearson Education, 2015 ISBN-10: 0-321-60110-6 , ISBN-13: 978-0-321-60110-0 (International Edition)

Peter Rob, Carlos Coronel, Database Systems: Design, Implementation, and

Management, 8th Edition. Course Technology Incorporated, 2009, ISBN 10: 1-4239-0201-7. ISBN-13: 978-1-4239-0201-0

Kroenke, David M., and Auer, David J., Database Processing: Fundamentals, Design, and Implementation, 11th Edition, Prentice Hall, 2009, ISBN-10: 0132302675, ISBN-13: 978-0132302678

TTTM2033 Teknologi Platform

Platform Technology

Satu daripada tugas utama juruanalisis teknologi maklumat ialah untuk menyediakan kemudahan infrastruktur teknologi maklumat yang diperlukan oleh suatu organisasi. Bagi melaksanakan tugas ini, juruanalisis perlu mengenalpasti platform yang diperlukan bagi organisasi berkenaan. Asas kepada platform teknologi maklumat ialah sistem komputer yang terdiri daripada perkakasan sistem komputer, rangkaian komputer dan juga perisian sistem. Terdapat beberapa jenis platform yang boleh digunakan seperti platform terpusat, platform komputeran Internet, platform komputeran kluster dan juga platform komputeran teragih. Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada pelbagai jenis platform yang dapat digunakan.

One of the main tasks of information technology analyst is to provide information technology infrastructure needed by an organisation. To perform these tasks, the analyst must identify the required platform for the organization. Basic information technology platform is a computer system that consists of hardware computer system, computer network and system software. There are several types of platforms that can be used as a centralized platform, Internet computing platform, cluster computing platform and distributed computing platform. This course aims to expose students to a variety of platforms that can be used.

Hasil Pembelajaran Kursus :

Pada akhir kursus ini, pelajar berupaya untuk:

- Menjelaskan senibina sistem komputer dan konsep sistem pengoperasian. *Describes the architecture of computer systems and operating systems concepts.*
- Menunjuk kemudahan yang disediakan oleh sistem pengoperasian Windows dan UNIX.
Show the facilities provided by the Windows and UNIX operating systems.
- Mengenalpasti komponen bagi beberapa jenis platform terkini seperti komputeran terpusat, komputeran Internet, komputeran mudah-alih.
Clarify the components for the latest platforms such as centralized computing, Internet computing and mobile computing.

Bacaan Asas:

- Stallings, W. 2016. Computer Organization and Architecture. Designing For Performance, 10th Edition, Pearson Education International, Inc.
- Silberschatz, Galvin and Gagne. 2013. Operating System Concepts, 9th Edition, John Wiley and Sons, Inc.
- Tanenbaum, A.S. and Bos, H. 2014. Modern Operating Systems, 4th Edition, Prentice-Hall, Inc.
- Uddin, M. S. and Haroon T. 2014. IBM Worklight Mobile Application Development Essentials, Packt Publishing.
- Nelson, L. S. Da Fonseca, Raouf, B. 2015. Cloud Services, Networking, and Management. Wiley-IEEE Press.

TTTP2543 Pengaturcaraan Web Web Programming

Kursus ini bertujuan untuk memberi kemahiran asas pengaturcaraan web kepada pelajar. Ia memperkenalkan konsep dan teknik mereka bentuk dan membina halaman web. Pelajar menggunakan alatan untuk mengorganisasi, mencapai, menyimpan dan menyebarkan maklumat dalam web. Teknologi pelayan-pelanggan melalui laman web dinamik diperkenalkan. Aspek lain yang ditekankan ialah isu asas dalam reka bentuk laman web interaktif; prinsip dalam reka bentuk; reka bentuk dokumen dan penyelitan grafik; penyusunan teks; pemilihan antara muka dan hubungan dengan dokumen lain. Pada akhir kursus, pelajar akan mengimplimentasi teknik dan pengetahuan yang dipelajari dalam projek mini pembangunan sistem berasaskan web.

This course offers students the opportunity to learn the fundamental skills in web programming. It introduces students to the concepts and techniques of designing and creating web pages. Students will be taught to use various tools to organize, retrieve, store and distribute information via the web. Students will be introduced to the client-server dynamic pages. Other relevant issues that will be emphasised include the principle of web pages design, interactive web design, document design, graphics, texts, interfaces and links between the documents. At the end of the course, students will demonstrate their understanding and technical knowledge by developing a mini web-based system project.

Hasil Pembelajaran Kursus :

Pada akhir kursus ini, pelajar berupaya untuk:

- Menganalisis konsep dan teknik untuk mereka bentuk laman web.
Analyze concepts and techniques for designing web pages.
- Mempamer reka bentuk laman web interaktif.
Demonstrate interactive website designs.

- Membangun laman web yang dinamik dengan menggunakan pendekatan pelayan-pelanggan.
Build dynamic web sites using the client-server approach.

Bacaan Asas:

- Dietel, P. Dietel, H. & Deitel, A. 2014. *Internet & World Wide Web: How to Program*. 5th Edition, England: Pearson Education.
- Ullman, L. 2012. *PHP and MySQL for Dynamic Web Sites: Visual QuickPro Guide*. 4th Edition. Berkeley: Peachpit Press.
- Carey, P. 2009. *New Perspectives on HTML, XHTML, and Dynamic HTML*. 4th Edition, Boston: Cengage Learning.

TTTU2983 Pangkalan Data Lanjutan ***Advanced Databases***

Kursus ini memperkenalkan prinsip lanjutan dalam reka bentuk dan pengurusan pangkalan data melalui konsep tambahan sistem pangkalan data hubungan, serta memperkenalkan konsep pengaturcaraan visual dalam 4GL. Antara kandungannya ialah: pangkalan data teragih, kawalan serempak, pengindeksan, pangkalan data berorientasikan objek, dan aplikasi pangkalan data terkini; Pembangunan aplikasi pangkalan data: takrifan borang kemasukan data dan struktur laporan, pengungkapan queri dalam atur cara 4GL; Pengurusan pangkalan data dan tugas DBA: pengesahan, kawalan dan penguncian transaksi, pengendalian serempak, penyelenggaraan konsisten, dan baik pulih kerosakan; Pemprosesan queri dan pengurusan urusniaga dalam pelanggan-pelayan atau pangkalan data teragih.

This course covers advanced concepts in database design and management, as it pertains to relational database systems, and introduces visual programming in 4GL. Among the contents are: distributed databases, concurrency controls, indexing, object oriented databases, and the latest database applications; Development of database applications includes: definition of data-entry forms, structured reports, and embedded queries in 4GL programming; Database management and DBA tasks deals with: verification, transaction control and locking, concurrency control mechanisms, consistency maintenance, and data recovery from errors; Also covered are query processing and transaction management in client-server systems and distributed database systems.

Hasil Pembelajaran Kursus :

Pada akhir kursus ini, pelajar berupaya untuk:

- Membangunkan aplikasi pangkalan data lengkap untuk memproses transaksi pangkalan data yang kompleks.
Develop complete database applications for processing complex database

transactions.

- Mengubah suai konfigurasi pangkalan data bertaraf enterprise melalui kawalan transaksi, kawalan akses, dan kawalan integriti.

Manipulate enterprise database configurations through transaction control, access control, and integrity control.

- Melakarkan senibina pangkalan data lanjutan seperti pangkalan data teragih dan gudang data dan menyesuaikan Bahasa Pertanyaan Berstruktur (SQL) untuk senibina ini.

Illustrate advanced database architectures such as distributed databases and data warehouses, and adapt Structured Query Language (SQL) for these architectures.

Bacaan Asas

Connolly, T. M., and Begg, C. E., 2015, Database Systems: A Practical Approach To Design, Implementation, And Management, 6th Edition, Essex, Pearson.

Bai, Y., 2012, Practical Database Programming with Visual Basic.NET, 2nd Edition, Piscataway, New Jersey, Wiley-IEEE Press.

Coronel, C., Morris, S., and Rob, P., 2012, Database Systems: Design, Implementation, and Management, 10th Edition. Boston, Massachusetts, Course Technology, Cengage Learning.

Halina Mohamed Dahlan, Ab Razak Che Hussin, Md Hafiz Selamat, Mohd Shahizan Othman, Nor Hawaniah Zakaria, Roliana Ibrahim, dan Mahadi Bahari, 2011, Sistem Pangkalan Data, Johor Bahru, Penerbit UTM Press.

Goodson, J. and Steward, R. A., 2009, The Data Access Handbook: Achieving Optimal Database Application Performance and Scalability, 1st Edition, Upper Saddle River, New Jersey, Prentice Hall. 978-983-52-0778-5

Panduan Penulisan Laporan Latihan Industri FTSM, 2015

Pusat Pengurusan Siswazah. 2009. Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM. Edisi Semak Kedua. Percetakan Watan.

TTTT4056 Latihan Industri

Industrial Training

Latihan Industri TTTT4056 bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang suasana kerja sebenar. Ia juga bertujuan memberi peluang kepada pelajar membangunkan kemahiran diri sebagai professional teknologi maklumat. Bagi mencapai tujuan ini, setiap pelajar akan ditempatkan di sebuah organisasi selama 20 minggu dan akan diselia. Sebelum penempatan, pelajar dikehendaki mengikuti taklimat dan bengkel pra latihan industri. Semasa menjalani latihan industri, pelajar perlu melaksanakan tugas dan arahan yang diberikan oleh pihak organisasi dan mematuhi peraturan dan disiplin kerja organisasi

berkenaan. Pelajar juga perlu mengikuti latihan atau aktiviti yang dirancang bersama dengan penyelia. Prestasi pelajar akan dipantau oleh penyelia melalui pelaksanaan setiap tugas dan buku catatan kerja harian yang perlu diisi oleh setiap pelajar. Penilaian akan dibuat berdasarkan kehadiran dan penyertaan di bengkel pra-latihan industri, laporan/ penilaian penyelia dan penilaian buku catatan kerja harian.

Industry Training TTTT4056 aims to expose students to the real working environment. It also aims to provide opportunities for students to develop their skills as a professional information technology. To achieve this goal, every student will be placed in an organization for 20 weeks and will be supervised. Before placement, students are required to attend the briefing and pre-training workshop industry. During the training, students need to perform the task and the instructions given by the organization and comply with the rules and discipline of work organization. Students also have to undergo training or activities planned together with the supervisor. Student performance will be monitored by supervisors through the implementation of each task and notebook daily work that must be completed by each student. Evaluation will be based on attendance and participation in the pre-industrial training workshops, report / evaluation and assessment supervisor logbook daily work.

Hasil Pembelajaran Kursus :

Pada akhir kursus ini, pelajar berupaya untuk:

- Mengamalkan sikap bertanggungjawab, beretika dan profesional
Practise the responsibility, ethical and professional attitude.
- Mempamerkan komunikasi secara lisan dan bertulis berkesan antara rakan sekerja
Demonstrate oral and written communication effectively between colleagues
- Mengintegrasikan pengetahuan sedia ada dan baharu yang berkaitan sepanjang latihan di Industri
Integrate existing and new knowledge that related to the industry during the industrial training.
- Mengaitkan latihan industri dengan persekitaran organisasi dan sosial
Associate with the industry training organizations and social environment
- Mencadangkan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi di organisasi industri berdasarkan justifikasi yang sesuai.
Propose solutions to problems encountered in industrial organization based on appropriate justification.

Bacaan Asas

Panduan Penulisan Laporan Latihan Industri FTSM, 2015

Pusat Pengurusan Siswazah. 2009. Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM. Edisi Semak Kedua. Percetakan Watan.

TTTT4076 Projek Industri *Industrial Project*

Projek Industri TTTT4076 bertujuan memberi peluang kepada pelajar menggunakan pengetahuan mereka dalam bidang komputeran bagi menyelesaikan suatu masalah sebenar yang dihadapi oleh industri. Setiap pelajar akan diselia oleh seorang penyelia dari industri dan seorang penyelia dari fakulti. Semasa projek ini berjalan, pelajar akan didedah kepada kemahiran untuk memahami masalah dan mengemuka cadangan penyelesaian bagi masalah yang dihadapi. Pelajar juga perlu membuat reka bentuk dan membangun cadangan penyelesaian. Pada akhir projek, pelajar dikehendaki menulis satu laporan projek dan membenteng hasil yang diperolehi kepada penyelia. Penilaian akan dibuat berdasarkan laporan projek dan perbentangan hasil projek.

